

PENGIKTIRAFAN PERJANJIAN KOLEKTIF (*COLLECTIVE AGREEMENT*) OLEH MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA : PROSES DAN PROSEDUR

YM Raja Khairul Azahar bin Raja Ahmad
Encik Mohd Nazri bin Ahmad Sabar
Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

PENDAHULUAN

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 adalah merupakan satu bentuk undang-undang sosial yang bertujuan untuk mempromosi dan mengekalkan keharmonian industri. Akta ini menetapkan peraturan mengenai perhubungan di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja untuk mengenalpasti dan menyelesaikan sebarang pertikaian yang berbangkit daripadanya. Antara perkara penting yang dinyatakan di dalam akta ini ialah berkenaan dengan perundingan kolektif (*collective bargaining*) dan perjanjian kolektif (*collective agreement*).



Berdasarkan kepada Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa Ke-98 iaitu mengenai *Right to Organize and Collective Bargaining Convention*, 1949 yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada 5 Jun 1961.

Tujuan perundingan kolektif adalah untuk mencapai persetujuan tentang syarat-syarat dan peraturan-peraturan kerja yang akan dirangkumkan menjadi perjanjian kolektif. Bagi tujuan ini, Kesatuan Sekerja adalah merupakan pihak yang akan memainkan peranan utama dalam melakukan proses rundingan kolektif bersama pihak majikan bagi menjamin kepentingan pekerja terpelihara di sisi undang-undang.



Berdasarkan seksyen 2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Perjanjian Kolektif ditafsirkan sebagai suatu perjanjian yang dihasilkan daripada perundingan kolektif yang mengandungi terma-terma dan syarat perkhidmatan yang dipersetujui oleh majikan dan kesatuan sekerja. Menurut Salomon (1998) pula, Perundingan kolektif adalah satu cara untuk menentukan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan dan mengawal selia hubungan pekerjaan dengan menggunakan proses yang menyentuh soal perundingan antara wakil pengurusan dan pekerja dengan tujuan untuk menghasilkan satu perjanjian yang boleh menjamin kepentingan seluruh kumpulan pekerja terlibat.

MAKLUMAT PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA DI MALAYSIA

Jadual 1 : Bilangan dan Keanggotaan Kesatuan Sekerja Mengikut Sektor Bagi Tahun 2018 - 2022

BILANGAN / NUMBER						KEANGGOTAAN / MEMBERSHIP				
2018	2019	2020	2021	2022		2018	2019	2020	2021	2022
167	156	167	167	164		471,164	499,891	501,032	505,864	518,017
					KERAJAAN / GOVERNMENT					
497	507	509	488	498		389,885	366,417	371,512	359,273	356,145
					SWASTA / PRIVATE					
87	99	94	92	97		69,685	82,464	83,998	75,777	80,830
					BADAN BERKANUN / STATUTORY BODY					

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia (JHEKS)

Berdasarkan **Jadual 1** mengenai bilangan kesatuan sekerja dan keanggotaan yang berdaftar mengikut sektor bagi tahun 2018 hingga 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), sektor swasta merekodkan bilangan kesatuan sekerja berdaftar bagi tahun 2018 hingga 2022 iaitu sebanyak 497 direkodkan pada tahun 2018. Ini diikuti pada tahun 2019 sebanyak 507, tahun 2020 sebanyak 509, tahun 2021 sebanyak 488 dan tahun 2022 sebanyak 498. Walau bagaimanapun, keanggotaan kesatuan sekerja tertinggi direkodkan oleh sektor Kerajaan dengan keanggotaan seramai 471,164 pada tahun 2018 dan terus meningkat kepada 518,017 pada tahun 2022.

Selain itu, sebanyak 3,789 kesatuan sekerja telah didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1969 sepanjang tempoh tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,499 atau 66% daripada keseluruhan bilangan kesatuan sekerja berdaftar adalah daripada sektor swasta. Ini diikuti oleh sektor kerajaan sebanyak 821 (21.7%) manakala sektor Badan Berkanun adalah sebanyak 469 (12.4%).

Jadual 2 : Bilangan Pengiktirafan Perjanjian Kolektif oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia Mengikut Sektor Bagi Tahun 2018 - 2022

	2018	2019	2020	2021	2022
 Pembuatan	172	171	121	100	201
 Pembinaan	2	1	1	0	8
 Pelombongan & Pengkuarian	5	5	1	1	9
 Pertanian, Perhutanan & Perikanan	8	12	10	8	15
 Perkhidmatan	107	109	54	45	101

Sumber : Mahkamah Perusahaan Malaysia

Berdasarkan kepada **Jadual 2** mengenai bilangan pengiktirafan perjanjian kolektif yang dilaksanakan oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia bagi tahun 2018 hingga 2022, kesatuan sekerja dan majikan di sektor pembuatan adalah merupakan yang paling tinggi mendepositkan perjanjian kolektif untuk diberi pengiktirafan iaitu sebanyak 172 pada tahun 2018, diikuti 171 pada tahun 2019, 121 pada tahun 2020, 100 pada tahun 2021 dan 201 pada tahun 2022. Sebanyak 60.4% (765) daripada keseluruhan perjanjian kolektif (1,267) yang telah diberikan pengiktirafan oleh Mahkamah Perusahaan adalah dalam sektor pembuatan. Sektor pembinaan mencatatkan peratusan yang paling rendah mendepositkan perjanjian kolektif untuk diberi pengiktirafan bagi tempoh tersebut iaitu sebanyak 0.9% (12). Manakala sektor perkhidmatan sebanyak 32.8% (416), sektor pertanian, perhutanan & perikanan adalah sebanyak 4.2% (53) dan sektor perlombongan dan pengkuarian adalah sebanyak 1.7% (21).

PROSES DAN PROSEDUR PENGIKTIRAFAN PERJANJIAN KOLEKTIF DI MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

a. Permohonan Pengiktirafan Perjanjian Kolektif Di Mahkamah Perusahaan Malaysia

Secara umumnya, perjanjian kolektif yang telah dirundingkan oleh pihak majikan dan kesatuan sekerja tidak akan dapat dikuatkuasakan tanpa melalui proses dan prosedur pengiktirafan oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia. Terdapat beberapa proses dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak bagi memastikan perjanjian tersebut boleh dikuatkuasakan berdasarkan kepada undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini. Di peringkat Mahkamah Perusahaan Malaysia, terdapat dua (2) kaedah bagi proses dan prosedur mendapatkan pengiktirafan perjanjian kolektif iaitu permohonan pengiktirafan perjanjian kolektif secara terus dan juga melalui Award mahkamah. Secara ringkasnya, proses dan prosedur mengenai pengiktirafan perjanjian kolektif oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia adalah seperti berikut:

i) Pengiktirafan Secara Terus

- Perjanjian kolektif hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak-pihak dalam perjanjian itu atau oleh orang-orang yang diberi kuasa bagi pihaknya dan dimatikan setem.
- Majikan dan Kesatuan Sekerja perlu mengemukakan 10 salinan perjanjian kolektif tersebut ke Mahkamah secara bersama dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh perjanjian kolektif tersebut dimeterai oleh kedua-dua pihak terlibat.
- Perjanjian kolektif diberi pengiktirafan oleh Mahkamah setelah semua terma dan syarat perjanjian dipatuhi menerusi pengeluaran Borang C. Walau bagaimanapun, sekiranya wujud ketidakpatuhan terhadap terma dan syarat perjanjian, pihak Mahkamah akan mengeluarkan borang D dan sebutan di hadapan Yang Dipertua Mahkamah Perusahaan akan dijalankan dan diputuskan sama ada dengan pindaan atau sebaliknya.



- Setelah pengiktirafan diberi oleh Mahkamah, perjanjian tersebut akan diberi nombor pengiktirafan dan boleh dikuatkuasakan bagi mengikat kedua-dua pihak terlibat.

ii) Pengiktirafan Melalui Award Mahkamah

Pengiktirafan perjanjian kolektif melalui Award atau perintah mahkamah berlaku apabila wujud konflik pertikaian mana-mana terma atau syarat perkhidmatan di antara kedua-dua pihak. Apabila pertikaian tersebut gagal mencapai penyelesaian semasa perundingan kolektif yang dilaksanakan di Jabatan Perhubungan Perusahaan, Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia akan merujuk pertikaian tersebut ke Mahkamah Perusahaan untuk satu keputusan melalui Award. Selepas melalui proses perbicaraan dan Award diperturunkan, perjanjian kolektif tersebut akan mendapat pengiktirafan melalui Award Mahkamah Perusahaan.

Selain itu, Mahkamah Perusahaan juga akan memberikan pengiktirafan dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh perjanjian kolektif tersebut didepositkan sebagaimana yang termaktub di dalam Piagam Pelanggan. Menurut subseksyen 14(2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, suatu perjanjian kolektif hendaklah memperuntukkan terma-terma perjanjian dan hendaklah, di mana yang berkenaan:

- (i) menamakan pihak-pihak dalam perjanjian itu;
- (i) menyatakan tempoh kuatkuasanya dan tidak boleh kurang dari tiga (3) tahun dari tarikh kuatkuasa perjanjian itu;
- (i) menetapkan prosedur pengubahsuaian dan penamatan; dan
- (i) melainkan jika sudah wujud jentera yang ditubuhkan menerusi peruntukan perjanjian antara pihak-pihak terlibat bagi penyelesaian pertikaian itu, menetapkan prosedur bagi menyelaraskan apa-apa persoalan yang mungkin timbul berkaitan pelaksanaan atau tafsiran perjanjian dan rujukan mengenai apa-apa persoalan kepada Mahkamah bagi mendapatkan keputusan.



b. Pihak-Pihak Terlibat Dalam Perjanjian Kolektif

Seseorang pekerja tidak boleh secara perseorangan membuat perjanjian kolektif dengan majikannya. Suatu perjanjian kolektif hanya boleh dibuat antara kesatuan pekerja sahaja dan majikan atau kesatuan sekerja majikan. Kesatuan sekerja yang ditubuhkan mestilah didaftarkan menurut undang-undang. Akta Kesatuan Sekerja 1959 mentakrifkan kesatuan sekerja sebagai: “Pertubuhan atau gabungan orang-orang kerja atau majikan di mana tempat kerja ialah Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak, atau majikan-majikan yang mengambil kerja orang-orang di Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak dalam tred, pekerjaan atau industri yang tertentu atau serupa, sama ada secara sementara atau tetap bertujuan:

- (i) menggalakkan perhubungan perusahaan, menambahbaik syarat pekerjaan, status ekonomi, sosial atau meningkatkan produktiviti;
- (ii) peraturan perhubungan antara pekerja sesama pekerja dan majikan sesama majikan;
- (iii) perwakilan dalam pertikaian perusahaan, menguruskan hal berhubung dengan pertikaian, menggalakkan, mengaturkan atau meinbiayai mogok atau tutup pintu dalam mana-mana tred atau industri atau peruntukan gaji atau faedah-faedah lain bagi ahli-ahlinya semasa suatu mogok atau tutup-pintu.



c. Terma Dan Syarat Perkhidmatan Yang Dilarang Dimasukkan Di dalam Perjanjian Kolektif

Terdapat beberapa terma dan syarat perkhidmatan yang dilarang dimasukkan dalam draf atau cadangan perjanjian kolektif kerana ia adalah prerogatif pengurusan seperti:

- (i) kenaikan pangkat oleh majikan terhadap mana-mana pekerja dari kategori atau gred yang lebih rendah kepada kategori atau gred yang lebih tinggi;
- (ii) pertukaran pekerja oleh majikan dalam profesion, perdagangan atau kerja, dengan syarat apa-apa pertukaran itu tidak menyebabkan perubahan yang merugikan pekerja berhubung dengan terma-terma pekerjaannya;
- (i) perlantikan mana-mana pekerja oleh majikan sekiranya ada kekosongan dalam organisasinya;
- (i) penamatan perkhidmatan pekerja oleh majikan atas sebab lebihan pekerja atau penyusunan semula profesion, perdagangan atau kerja majikan atau sebab-sebab bagi penamatan tersebut; dan
- (i) pemecatan dan pengambilan semula seseorang pekerja oleh majikan; penyerah hak atau peruntukan tugas-tugas atau tugas khas kepada pekerja oleh majikan yang selaras atau sesuai dengan terma-terma pekerjaannya.



KESIMPULAN

Perjanjian Kolektif memainkan peranan penting di dalam membentuk syarat dan terma perkhidmatan yang lebih baik kepada pekerja. Pemeteraian perjanjian kolektif akan mengikat kedua-dua pihak iaitu kesatuan sekerja (pekerja) dan majikan di dalam mematuhi terma dan syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Pemeteraian dan pengiktirafan perjanjian kolektif oleh Mahkamah Perusahaan dapat memastikan kebajikan pekerja terjamin dan wujudnya situasi menang-menang (win-win situation) antara pihak pekerja dan majikan kerana sebelum sesuatu perjanjian kolektif tersebut dimeterai, kedua-dua pihak akan mengadakan perundingan bagi memastikan kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan mendapat manfaat hasil daripada pemeteraian perjanjian kolektif tersebut.

Perjanjian kolektif juga adalah merupakan alternatif terbaik dan dibenarkan di dalam undang-undang perburuhan dalam membentuk terma dan syarat perkhidmatan yang lebih baik kepada pekerja jika dibandingkan dengan peruntukan asas dan faedah yang minimum yang dinyatakan di dalam Akta Kerja 1955.



RUJUKAN

Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Akta Kesatuan Sekerja 1959. Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Ashar M.A. (2017). Manfaat dalam Melakukan Perundingan Kolektif. Universiti Malaysia Sabah

Kompilasi Statistik Kesatuan Sekerja di Malaysia 2018 - 2022

Laporan Statistik Tahunan Mahkamah Perusahaan Malaysia 2018 - 2022

Mumtaz Hassan (2001). Peranan Perjanjian Kolektif Dalam Membentuk Terma Dan Syarat Perkhidmatan. Universiti Utara Malaysia

Micheal Salomon, (1998). *Industrial Relation Theory and Practice 3rd. Edition. Pearson Education*

Pengendalian Perjanjian Kolektif dan Keberkesanan Rundingan Damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia. Jabatan Perhubungan Perusahaan Negeri Johor 2020

Perundingan dan Perjanjian Kolektif terbitan Jabatan Perhubungan Perusahaan Kementerian Sumber Manusia. Cetakan Keempat 2013

PENAFIAN: Artikel ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.



"Statistics Bloom in Harmony"

Doesn't matter far or near
Strength in numbers
we don't live in fear

Birds of feather flock together
Statistics our form of adour
We, will always live it up

Prechorus
So let us live in solidarity
And in the world arena we'll succeed
It is statistics that will come to be
The reason we will bloom in harmony

Chorus

Everybody undivided
Data's where our hearts reside in
There will always be a bind

Just like fire that ignites
That's how brightly lit our dreams are
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another
Leaving no one in a slumber
We will stand with unity

Mustering our courage while
Embracing our disparities
We'll achieve our victory

One dream with unity
One love with harmony

"Statistik Segalanya Pasti"

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada


Prechorus
Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan melindungi
Statistik petunjuk realiti

Chorus
Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data
Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara
Data dan kehidupan berteraskan harapan
dan impian kemakmuran
Segalanya pasti
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian..



Perkhidmatan Atas Talian DOSM



Imbas untuk ke
Portal Perkhidmatan
Atas Talian DOSM



OpenDOSM



Visual Interaktif



Kawasanku

Hubungi kami



www.dosm.gov.my



info@dosm.gov.my
data@dosm.gov.my



+6 03 8885 7000



+6 03 8888 9248



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

